

**Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya**

Perpustakaan SKTM

**SISTEM MAKLUMAT
SEKOLAH PINTAR**

Disediakan oleh :

Nadiah binti Azis

WET 000174

Projek Ilmiah Tahap Akhir II

Sesi 2002 / 2003

ABSTRAK

Laporan kertas kerja bagi Projek Ilmiah Tahap Akhir I dan II ini disediakan bagi menerangkan berkenaan dengan sistem yang dibangunkan. Di dalam laporan ini terkandung segala maklumat dan proses untuk membangunkan sistem yang telah saya pilih iaitu Sistem Maklumat Sekolah Pintar. Sistem ini bertujuan untuk mewujudkan suatu kaedah penyimpanan maklumat yang cekap dan mudah untuk dikendalikan oleh penyelenggara dan pentadbir secara atas talian.

Sistem ini disasarkan kepada pengguna khususnya pentadbir, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah serta para ibubapa. Oleh kerana ia dibangunkan berasaskan laman web, maka sistem ini boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana-mana secara meluas walaupun di luar sekolah. Laporan yang disediakan ini turut merangkumi metodologi atau cara-cara dan langkah-langkah yang diambil dan digunakan dalam proses untuk mengkaji dan merekabentuk sistem. Beberapa kajian permasalahan terhadap sistem-sistem sedia ada dan penilaian ke atas penggunaan perkakasan dan perisian turut dilakukan untuk memilih keperluan yang paling sesuai untuk sistem di samping memenuhi kehendak pengguna.

Sistem maklumat ini boleh dikemaskini oleh pihak pentadbir sekolah dan guru-guru dengan mendaftar masuk ke sistem menggunakan kata laluan yang dikhususkan. Sistem maklumat ini adalah selamat digunakan secara atas talian di mana pengguna luar tidak boleh mengakses ke pangkalan data peribadi tanpa kebenaran dan kata laluan.

Sistem ini bersesuaian dengan konsep sekolah pintar yang disaran untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat dalam pentadbirannya.

SENARAI KANDUNGAN

Abstrak	ii
Penghargaan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii

Bab 1

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Pengenalan Sistem.....	1
1.3	Objektif Projek.....	2
1.4	Skop Projek.....	3
1.5	Sasaran Pengguna.....	4
1.6	Skedul Pembangunan Sistem.....	6
1.7	Ringkasan Bab 1.....	7

Bab 2

2.1	Pendahuluan.....	8
2.2	Definisi Sistem Maklumat Sekolah Pintar.....	8
2.3	Kajian Sistem Sedia Ada.....	10
2.4	Analisis Metodologi.....	17
2.5	Analisa Perisian.....	24
2.6	Ringkasan Bab 2.....	31

Bab 3

3.1	Pendahuluan.....	32
3.2	Objektif Metodologi.....	32
3.3	Metodologi Pembangunan Sistem.....	32

3.4	Teknik Pengumpulan Maklumat.....	37
3.5	Keperluan Sistem.....	40
3.6	Analisis Keperluan.....	42
3.7	Ringkasan Bab 3.....	46
7.0	Persediaan Pengetahuan dan Pengalaman.....	47
Bab 4	Keperluan dan Rekabentuk Sistem	47
7.5	Ringkasan Bab 7.....	51
4.1	Pendahuluan.....	47
4.2	Rekabentuk Pangkalan Data.....	48
4.3	Rekabentuk Program.....	58
4.4	Rekabentuk Antaramuka Pengguna.....	61
4.5	Hasil yang Dijangka.....	65
4.6	Ringkasan Bab 4.....	67
Bab 5	Keperluan dan Rekabentuk Sistem Maklumat Sekolah Pintar	67
5.1	Pengenalan.....	67
5.2	Pengkodan Sistem Maklumat Sekolah Pintar.....	67
5.3	Ringkasan Bab 5.....	74
Bab 6	Keperluan dan Rekabentuk Sistem Maklumat Sekolah Pintar	75
6.1	Pengenalan.....	75
6.2	Jenis-jenis Pengujian.....	76
6.3	Pendekatan Ujian.....	80
6.4	Ringkasan Bab 6.....	81
Bab 7	Keperluan dan Rekabentuk Sistem Maklumat Sekolah Pintar	82
7.1	Pengenalan.....	82

SENARAI JADUAL

		MS
Jadual 1.1	Carta Carta Struktur Pembangunan Projek	6
Jadual 2.2	Senarai Perkhidmatan dan Keganapannya	41
Jadual 4.1.1	Penghasilan Data Logik Pentadbir	50
Jadual 4.1.2	Penghasilan Data Logik Guru	58
Jadual 4.1.3	Penghasilan Data Pelajar	61
Jadual 4.1.4	Penghasilan Data Pentadbir & Guru	62
Jadual 4.1.5	Penghasilan Data Rekod Perpustakaan	63

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL

		<u>M/S</u>
<i>Jadual 1.1</i>	Carta Gantt Skedul Pembangunan Projek	6
<i>Jadual 3.2</i>	Senarai Perisian dan Kegunaannya	41
<i>Jadual 4.1.2</i>	Pangkalan Data <i>Login</i> Pentadbir	50
<i>Jadual 4.1.3</i>	Pangkalan Data <i>Login</i> Guru	50
<i>Jadual 4.1.4</i>	Pangkalan Data Pelajar	51
<i>Jadual 4.1.5</i>	Pangkalan Data Pentadbir & Guru	52
<i>Jadual 4.1.6</i>	Pangkalan Data Rekod Peperiksaan	53

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH

	<u>M/S</u>
<i>Rajah 2.1</i> Antaramuka Sistem Maklumat Pelajar Berintegrasi	12
<i>Rajah 2.2</i> Antaramuka Sistem Pengurusan Sekolah	14
<i>Rajah 2.3</i> Antaramuka Modul Analisis Peperiksaan SPS	15
<i>Rajah 2.4</i> Model Air Terjun	19
<i>Rajah 2.5</i> Model Air Terjun dengan Prototaip	21
<i>Rajah 2.6</i> Model V	22
<i>Rajah 2.7</i> Model Prototaip	23
<i>Rajah 3.1</i> Model Air Terjun dengan Prototaip	33
<i>Rajah 4.1.1</i> Langkah-langkah Rekabentuk Pangkalan Data	49
<i>Rajah 4.2.3</i> Gambarajah E-R untuk Sistem	62
<i>Rajah 4.2.4</i> Gambarajah Konteks untuk Sistem	63
<i>Rajah 4.2.5</i> Carta Aliran Data Paras 0	64
<i>Rajah 4.2.6</i> Hirarki Utama Menu	65
<i>Rajah 4.2.7</i> Carta Struktur Rekabentuk Sistem	66
<i>Rajah 4.2.8</i> Carta Struktur Rekabentuk Modul Pentadbir	66
<i>Rajah 4.2.9</i> Carta Struktur Rekabentuk Modul Guru	67
<i>Rajah 4.3.0</i> Rekabentuk Antaramuka Laman Utama Web	69
<i>Rajah 4.3.1</i> Rekabentuk Antaramuka Laman Utama Pentadbir	70
<i>Rajah 4.3.2</i> Rekabentuk Antaramuka Laman Utama Guru	71

1.1 Pendahuluan

Sistem maklumat sekolah biasanya dibangunkan untuk digunapakai oleh pihak pentadbir sekolah sahaja dan segala maklumat peribadi yang direkodkan di dalamnya adalah sulit dan tidak didedahkan kepada pihak luar sekolah untuk tujuan keselamatan kakitangan dan pelajar-pelajar sekolah. Dalam usaha membangunkan sesuatu sistem maklumat, pelbagai langkah telah diambil untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat ke dalam sistem bagi memudahkan dan melancarkan pengurusannya.

Kini, dalam era pembangunan teknologi maklumat, internet memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi yang dapat digunakan tanpa sebarang batasan waktu dan lokasi. Teknologi internet dan laman web ini semakin mendapat tempat di seluruh dunia. Pihak sekolah juga sudah mula menggunakan alternatif baru ini untuk membangunkan sistem maklumat berasaskan laman web.

1.2 Pengenalan Sistem

Sistem Maklumat Sekolah Pintar merupakan suatu sistem yang dibangunkan untuk mengumpul serta menyimpan segala maklumat tentang kakitangan dan pelajar sekolah pintar secara atas talian ('online') dan bersistematik. Sistem ini adalah selamat untuk dipraktikkan oleh pihak pentadbir sekolah kerana ia dilengkapi dengan kemudahan kata laluan khusus untuk pihak pentadbir dan guru-guru bagi mengemaskini dan mengedit sebarang maklumat dan menghalang akses daripada pengguna yang tidak dibenarkan.

Sistem ini memudahkan seluruh warga sekolah mencapai maklumat dengan lebih cepat untuk dijadikan rujukan dan mencerminkan identiti sekolah pintar yang mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah.

1.2 - Objektif Projek

1.3 Objektif Projek

Antara objektif-objektif pembangunan projek ini yang utama ialah :

1. Membangunkan suatu sistem pengurusan maklumat yang sistematik dan cekap dalam sebuah sekolah pintar.
2. Mereka bentuk serta membangunkan sebuah laman web yang boleh dicapai oleh pengguna dan pihak pentadbiran sekolah.
3. Memperbaharui dan mengemaskini sistem maklumat sedia ada yang digunakan sebelum ini.
4. Mereka bentuk suatu pangkalan data yang dapat dicapai oleh pihak pentadbir dan guru-guru sekolah melalui internet.
5. Menghasilkan suatu laman web yang konsisten dan boleh diedit oleh pihak pentadbir sekolah dan guru-guru.

6. Memudahkan pengguna mencari maklumat tentang sekolah pintar terbabit melalui laman web.

1.4 Skop Projek

Skop bagi Sistem Maklumat Sekolah Pintar ini boleh dibahagikan kepada 3 modul iaitu :

1. Modul pihak pentadbir

- Membenarkan pihak pentadbir mendapatkan segala maklumat atas talian melalui laman web serta mengedit, menyemak dan mengemaskini maklumat tersebut dari semasa ke semasa menggunakan kata laluan khas.

2. Modul guru

- Guru-guru dibenarkan mengemaskini pangkalan data pelajar dan menyemak serta merekodkan kedatangan dan keputusan peperiksaan pelajar dengan menggunakan kata laluan khas.

3. Modul pengguna

- Membenarkan pengguna membuat capaian ke atas maklumat asas tentang sekolah .Pengaksesan ke atas rekod peribadi kakitangan dan pelajar sekolah adalah tidak dibenarkan.

1.5 Sasaran Pengguna

Sistem ini disasarkan kepada semua pengguna khususnya :

- *Pentadbir Sekolah*

Sistem maklumat ini adalah penting kepada pihak pentadbir sekolah kerana pentadbir yang bertanggungjawab mengedit, mengemaskini dan menyemak segala maklumat yang ada di dalam sistem.

- *Guru-guru*

Melalui laman web yang dibina, guru-guru dapat mengedit dan mengemaskini maklumat tentang pelajar serta merekodkan jadual kehadiran pelajar. Selain itu guru-guru dapat merekodkan keputusan peperiksaan pelajar dengan lebih cepat dan mudah.

- *Pelajar-pelajar*

Para pelajar dapat menggunakan laman web ini untuk melihat soalan-soalan ramalan peperiksaan, mengetahui sejarah sekolah dan peka dengan sebarang perjalanan aktiviti sekolah.

- Ibu bapa

1.6 Model Pembangunan Sistem

Ibu bapa dapat melihat prestasi pencapaian sekolah berkenaan dan berinteraksi melalui email dengan pihak pentadbir serta guru-guru sekolah.

Pengguna-pengguna yang bukan warga sekolah pula akan dapat mengenali sekolah berkenaan melalui internet, mencari maklumat tentang rakan-rakan di sekolah terbabit dan menilai tahap pencapaian akademik sekolah berkenaan.

Penggunaan Sistem

Wujudkan Sistem

Pengkodan

Pembiayaan Sistem

Pengujian Sistem

Implementasi & Pemeliharaan

Documentation

Jadual 1.6: Model Pembangunan Sistem

University of Malaya

1.6 Skedul Pembangunan Sistem

AKTIVITI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DEC	JAN	FEB
Perancangan Sistem	████████████████████								
Analisis Keperluan	████████████████████								
R/bentuk Sistem			████████████████████						
Pengkodan					████████████████████				
Pembangunan Sistem					████████████████████				
Pengujian Sistem							████████████████████		
Implementasi & Penyelenggaraan								████████████████████	
Dokumentasi	████████████████████								

Jadual 1.1 : Carta Gantt Skedul Pembangunan Projek

1.7 Ringkasan Bab 1

Bab pengenalan ini bertujuan untuk memperkenalkan secara ringkas tentang sistem yang akan dibangunkan di mana dalam bab ini telah diterangkan segala objektif projek, skop projek, skedul pembangunan projek serta pengguna-pengguna yang disasarkan untuk menggunakan sistem yang bakal dibangunkan ini. Skop projek menerangkan bahawa sistem maklumat yang berasaskan laman web ini boleh dicapai oleh pihak pentadbir sekolah, guru-guru serta pengguna-pengguna luaran berdasarkan tahap pencapaian akses yang berbeza-beza. Skedul pembangunan pula memperlihatkan pembahagian masa dalam melaksanakan setiap fasa dalam projek. Objektif projek menjelaskan segala matlamat perlaksanaan sistem dan sasaran pengguna merujuk kepada pengguna-pengguna yang diharapkan mendapat manfaat melalui sistem maklumat yang bakal dibangunkan ini.

2.1 Pendahuluan

Kajian literasi dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman mengenai sistem yang bakal dibangunkan. Kajian literasi juga menerangkan pengkajian yang mendalam berkenaan sistem sedia ada serta memberi gambaran keseluruhan sistem yang bakal dibangunkan.

Untuk membangunkan sistem maklumat ini, segala maklumat, idea, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dan dikumpul semasa kajian akan digunakan. Pelbagai pendekatan telah digunakan dalam proses pencarian maklumat untuk kajian ini.

2.2 Definisi Sistem Maklumat Sekolah Pintar

2.2.1 Definisi Sistem

Sistem ialah suatu set benda-benda yang dihubungkan secara keseluruhan dan bekerja bersama. (*Joyce M.Hawkins,Oxford,2001*)

2.2.2 Definisi Maklumat

Maklumat ialah data yang telah dianalisis, diproses dan disusun dalam bentuk tertentu untuk memudahkan proses membuat keputusan.

(*Dr.Abdullah Embong,2000*)

2.2.3 Definisi Sekolah

Sekolah ialah suatu institusi atau tempat pelajar-pelajar mendapatkan pendidikan, belajar dan diberi panduan. (Joyce M.Hawkins,Oxford,2001)

2.2.4 Definisi Pintar

Pintar membawa maksud bijak, cerdik , cerdas dan mampu melakukan sesuatu yang membawa keuntungan. (Joyce M.Hawkins,Oxford,2001)

Sistem maklumat melibatkan aktiviti pengumpulan, penyimpanan dan mengurus data dan maklumat.

Sekolah Pintar ialah sekolah yang telah direka bentuk semula secara lebih sistematik untuk menyokong penglibatan pelajar dan pihak sekolah dalam mengaplikasikan teknologi maklumat dalam urusan pembelajaran dan pentadbiran seiring dengan Zaman Maklumat.

Sistem Maklumat Sekolah Pintar ialah suatu sistem yang berupaya untuk mengumpul dan menyimpan segala maklumat tentang kakitangan dan pelajar sekolah secara lebih bersistematik dan boleh dicapai secara atas talian ('online').

2.3 Kajian Sistem Sedia Ada

Kajian telah dijalankan terhadap beberapa sistem maklumat sekolah yang sedia ada untuk melihat keberkesanannya dalam menguruskan maklumat. Beberapa laman web juga telah dikaji untuk melihat sebarang kekurangan atau kelebihan yang ada pada laman web tersebut.

Berikut adalah beberapa sistem sedia ada yang digunakan oleh pihak pentadbir bagi kebanyakan sekolah pintar :

2.3.1 Sistem Pengurusan Sekolah Pintar (SSMS)

Bermula dari awal tahun 2001, semua sekolah pintar di seluruh Malaysia telah dibekalkan dengan suatu sistem pengurusan maklumat yang di panggil SSMS iaitu singkatan kepada 'Smart School Management System'. Sistem ini masih lagi dalam peringkat pengkajian di mana ia menjadi suatu projek rintis bestari untuk diaplikasikan ke semua sekolah pintar. Sistem ini adalah dihubungkan melalui pelayan ('server') yang berpusat di Bukit Kiara bagi tujuan pengawalan keseragaman sistem di sekolah-sekolah yang terbabit. Maklumat di dalam sistem ini berhubungkait antara satu sama lain maka sebarang kerja-kerja pengemaskinian terpaksa dilakukan satu per satu dari awal.

Kelebihan SSMS :

- Sistem ini adalah berpusat dan ini memudahkan sistem dikawal disamping mudah mengesan sebarang ralat.
- Perisian ini jika berjaya dalam pengujiannya, mampu membantu sekolah-sekolah pintar menyimpan maklumat secara sistematik.

Kelemahan SSMS :


- Sistem ini tiada kawalan keserempakan, ini menyebabkan para guru atau pentadbir harus menyiapkan kerjanya satu persatu serta menunggu lama kerana pengeditan maklumat dalam modul yang sama tidak boleh dilakukan serentak.
- Setiap guru terpaksa menunggu giliran untuk mengemaskini maklumat kerana perkakasan yang disediakan tidak mencukupi di sekolah.
- Sistem masih tidak stabil dan ralat sering berlaku kerana sistem ini masih lagi dalam peringkat percubaan dan belum menyeluruh di mana masih ada lagi sebahagian maklumat yang disimpan secara manual.

Perkakasan dan perisian yang digunakan :

- SSMS menggunakan perisian yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan khusus untuk kegunaan sekolah pintar di mana perisian ini dipanggil BESTARI.



- Perkakasan yang digunakan ialah komputer peribadi dengan mikropemproses Intel Pentium II / III 333MHz, modem 56Kbps dengan cakera keras berkapasiti 10 G.

2.3.2 Sistem Maklumat Pelajar Berintegrasi



Integrated Students Information System
 DMH Software
 7B, Lorong Datok Rabbit, Rinching Hill, 43000 Kajang, Selangor
 Tel : 012-6551467

Pengenalan
 Menginstal perisian
 Memulakan perisian
 Paparan utama

Modul	Ikon	Fungsi
1. Pentadbir Sistem	 Pentadbir Sistem	<u>Pengkalan data utama</u> <u>Pengkalan data untuk menyimpan gambar foto pelajar</u> <u>Pengkalan data untuk id pengguna dan kata laluan.</u> <u>Mengemaskini id pengguna, kata laluan dan jawatan.</u> <u>Katalaluan untuk pentadbir sistem</u>
2. Maklumat Asas Sekolah	 Maklumat asas sekolah	2.1. Asas <u>2.1.1 Tahun akademik</u> <u>2.1.2 Kelas</u> <u>2.1.3 Tahap</u> <u>2.1.4 Subjek</u> 2.2 Peperiksaan <u>2.2.1 Senarai peperiksaan</u> <u>2.2.2 Blok gred</u> <u>2.2.3 Blok piawai</u> 2.3 Kokurikulum <u>2.3.1 Senarai kelab dan persatuan</u> <u>2.3.2 Senarai unit beruniform</u> <u>2.3.3 Senarai sukan dan permainan</u> <u>2.3.4 Tahap penglibatan</u> <u>2.3.5 Tahap pencapaian</u> <u>2.3.6 Skor untuk pencapaian bagi setiap tahap penglibatan</u> <u>2.3.7 Julat markah untuk gred kokurikulum</u>

Rajah 2.1 Antaramuka Sistem Maklumat Pelajar Berintegrasi

Sistem maklumat pelajar ini lebih dikenali dengan nama ISIS iaitu singkatan bagi 'Integrated Student Information System'. Sistem ini dibangunkan oleh Syarikat DMH Software yang menjadi pengeluar utama perisian sistem maklumat sekolah.


Kelemahan ISIS :

- Perisian ISIS ditempah melalui vendor di mana pihak pentadbir sekolah kurang mahir dengan penyelenggaraan sistem ini.
- Sebarang kegagalan pada sistem akan menyebabkan sistem tidak dapat digunakan di sekolah kerana ia bukan berasaskan laman web dan tidak dapat dikemaskini melalui internet.
- ISIS diedarkan dalam berbagai versi berbeza yang menyukarkan pentadbir untuk memilih versi terkini dan sesuai dengan penggunaannya.

Perkakasan dan perisian yang digunakan :

- Perkakasan yang digunakan adalah komputer peribadi dengan mikropemproses Intel Pentium II/III 333 MHz.
- Perisian yang digunakan ialah perisian ISIS yang harus dipasang ('install') dalam komputer.

2.3.3 Sistem Pengurusan Sekolah



Rajah 2.2 Antaramuka Sistem Pengurusan Sekolah

SPS merupakan Sistem Pengurusan Sekolah yang diperkenalkan oleh Mimos Learning Services. Ia merupakan suatu sistem yang dikhaskan untuk digunakan oleh guru-guru dalam menjalankan tugas harian mereka di sekolah seperti mencatat kehadiran pelajar. Terdapat juga modul lain seperti modul analisis peperiksaan yang membolehkan guru-guru merekodkan markah peperiksaan pelajar.

SPS diedarkan oleh Mimos Berhad dan sekolah-sekolah boleh diberi dua bulan percuma tempoh percubaan untuk menggunakan sistem ini.

Back Address: http://localhost/mca/analysis.html

Analisa Keputusan Ujian Bagi Tingkatan

SEKOLAH MENENGAH SYED HASSOR, 41000 BATAANG KALI, SELANGOR

ANALISA KEPUTUSAN UJIAN/PEPERIKSAAN : PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2001
TINGKATAN 1 3

NO.	KELAS	BIL. PELAJAR	BIL. AMBIK	LULUS		GALAT	
				BIL.	%	BIL.	%
1	3P1	26	26	0	0.00	0	0.00
2	3P2	25	24	22	64.71	12	29.29
3	3P3	20	20	7	25.00	13	31.25
4	3P4	26	25	0	0.00	25	100.00
5	3P7A	24	24	0	0.00	24	100.00
6	3P7B	24	25	0	0.00	25	100.00
7	3P7C	23	23	0	0.00	23	100.00
8	3P7D	18	20	0	0.00	20	100.00
9	3P7E	25	25	0	0.00	25	100.00
10	3T1	24	24	21	61.76	12	29.17
11	3T2	25	25	25	71.43	10	29.57
12	3T3	26	26	9	22.22	20	51.92
13	3T4	26	26	0	0.00	26	100.00
Jumlah		427	429	93	21.38	227	78.62

Sistem Web Sekolah - Microsoft Internet Explorer

Address: http://localhost/mca/analysis_index.html

Analisa Kelas

SEKOLAH MENENGAH SYED HASSOR, 41000 BATAANG KALI, SELANGOR

ANALISA KEPUTUSAN UJIAN/PEPERIKSAAN : PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2001
KELAS : 3P1
NO. PUSAT :
NAMA GURU :

No	Nama Pelajar	No. K. D	A-B	BT		12		21		20		31		45		48		50		55		57		78		104	
				H	C	H	C	H	C	H	C	H	C	H	C	H	C	H	C	H	C	H	C	H	C	H	C
1.	ABD. RAHMAN B. ABD. RAHIM	00	K002	10	1	48	0	50	0	52	0	11	0	44	0	80	0	61	0	61	0	-	-	50	0	-	2
2.	ABD. RAZIF B. ABD. RAHIM	040950435119	K002	07	1	27	0	32	0	25	0	-	0	17	0	72	0	29	0	63	0	-	-	75	0	-	3
3.	AHMAD FAIMI B. RAJUL	060221036059	K002	6	0	47	0	45	0	57	0	0	0	59	0	84	0	57	0	58	0	-	-	70	0	-	2
4.	DEMPY SITARA B. KARNAIN	061217305293	K004	6	1	30	0	47	0	20	0	-	0	47	0	80	0	56	0	45	0	-	-	53	0	-	1
5.	MOND AZRAL B. ABD. HAMID	040529485047	K001	5	0	24	0	43	0	43	0	-	0	50	0	84	0	54	0	60	0	-	-	53	0	-	1
6.	MOND SARREY B. ISMAIL	061229426007	K000	4	0	27	0	28	0	30	0	-	0	30	0	69	0	30	0	57	0	-	-	51	0	-	-
7.	MOND KHALID B. ABD. RAJID	040731565399	K003	6	0	34	0	42	0	32	0	-	0	50	0	78	0	51	0	52	0	-	-	65	0	-	2
8.	MOND SAIFUL IZZUHAN B. ROSLIAN	040222425911	K007	6	0	50	0	49	0	39	0	-	0	60	0	90	0	81	0	60	0	-	-	73	0	-	5
9.	SYAHIL B. ANWAR	061209426297	K003	7	0	54	0	43	0	36	0	24	0	60	0	84	0	50	0	75	0	-	-	73	0	-	5
10.	AZRINA BT	060919105026	K010	5	0	49	0	40	0	38	0	-	0	61	0	80	0	54	0	52	0	-	-	43	0	-	1

Rajah 2.3 Antaramuka Modul Analisis Peperiksaan SPS

Kelebihan SPS :

- SPS boleh dihubungkan melalui internet di mana ia membolehkan interaksi antara guru dan ibu bapa secara tidak langsung.
- Ibubapa dapat mengawal selia kehadiran anak mereka ke sekolah dan pencapaian peperiksaan pelajar.

Kelemahan SPS :

- SPS dikhususkan untuk kegunaan guru-guru, dan modul-modul yang ada dalam sistem ini masih belum menyeluruh.

- Antaramuka yang digunakan terlalu padat dan boleh mengelirukan pengguna.

Perkakasan dan perisian yang digunakan :

- Sistem ini memerlukan penggunaan komputer peribadi dengan mikropemproses Intel Pentium II/III/IV dengan modem 56 Kbps dan cakera keras berkapasiti 10 G.
- Perisian yang digunakan ialah perisian SPS yang dibekalkan oleh Mimos Berhad dan boleh dihubungkan dengan Microsoft Internet Explorer sebagai pelayar web.

2.4 Analisis Metodologi

Metodologi merupakan suatu teknik atau prosedur yang digunakan untuk membantu menghasilkan pembangunan sistem. Terdapat beberapa jenis pemodelan proses perisian yang menjadi asas kepada metodologi di mana model-model ini mengandungi beberapa fasa pembangunan atau langkah-langkah yang melibatkan aktiviti, kekangan serta sumber-sumber yang dapat menghasilkan sistem yang diinginkan.

Diantara fasa-fasa pembangunan utama yang ada dalam setiap model adalah seperti analisa keperluan, rekabentuk sistem, pengkodan, pengujian serta penyelenggaraan sistem. Beberapa metodologi telah dikaji untuk mempertimbangkan model yang paling sesuai untuk digunakan bagi membangunkan Sistem Maklumat Sekolah Pintar ini.

2.4.1 Model Air Terjun

Model air terjun telah diperkenalkan pada kali pertama oleh Royce sekitar tahun 1970. Model ini menjadi asas kepada kemunculan model-model lain dimana ia telah diubahsuai mengikut keperluan pengguna.

Model ini mengandungi 5 fasa utama iaitu :

- *Fasa 1 : Analisa Keperluan*

Fasa ini merupakan fasa awal di mana kajian dijalankan untuk mengenalpasti keperluan sistem. Fasa ini juga adalah peringkat pertama dalam proses

pembangunan sistem dimana masalah-masalah semasa yang wujud akan dikaji.

- *Fasa 2 : Rekabentuk Sistem*

Proses rekabentuk sistem akan dimulakan berdasar kepada skop yang telah ditentukan di peringkat permulaan pembangunan sistem. Biasanya rekabentuk sistem ini dibuat mengikut kesesuaian kehendak serta keperluan pengguna yang telah dikenalpasti pada fasa pertama. Fasa rekabentuk ini melibatkan pangkalan data, input dan output, antaramuka pengguna serta program dan proses.

- *Fasa 3 : Perlaksanaan Sistem*


Pada peringkat ini, rekabentuk sistem yang telah dibuat akan dibangunkan sebagai beberapa jujukan aturcara.

- *Fasa 4 : Pengujian Sistem*


Peringkat pengujian ini dijalankan untuk mengesan sebarang ralat atau kesilapan yang mungkin timbul semasa sistem dilaksanakan. Pada fasa ini, pengesahan terhadap sistem dan spesifikasi akan dilaksanakan di mana ia melibatkan beberapa pengujian seperti pengujian unit dan integrasi, pengujian sistem serta pengujian penerimaan.

- *Fasa 5 : Operasi dan Penyelenggaraan Sistem*

Fasa ini merupakan fasa terakhir di dalam proses pembangunan sistem dimana penyelenggaraan melibatkan proses baik pulih kesilapan yang wujud dilaksanakan serta memastikan penyesuaian sistem terhadap keperluan persekitaran.



Rajah 2.4 : Model Air Terjun




Rajah 2.5 : Model Air Terjun dengan Prototaip

2.4.3 Model V

Model V ini mempunyai sambungan rangkaian pada kedua-dua bahagian kiri dan kanan yang menunjukkan bagaimana pengujian yang dijalankan berkait dengan analisa keperluan dan rekabentuk sistem.

Penilaian semula keperluan dapat dilakukan sekiranya sebarang masalah timbul sewaktu pengujian penerimaan di mana pengujian ini dijalankan untuk menghubungkan aktiviti pengujian dengan setiap spesifikasi elemen keperluan. Selain itu, rekabentuk sistem dapat diperbaiki melalui pengesahan semula rekabentuk pada fasa pengujian unit dan integrasi. Fokus utama Model V ialah aktiviti yang dilakukan serta kesempurnaannya.




Rajah 2.6 : Model V

2.4.4 Model Prototaip

Satu lagi model yang agak popular ialah model prototaip. Model ini membolehkan sebahagian atau kesemua bahagian sistem dibina terlebih dahulu dengan cepat sebagai prototaip bagi memberi ruang kepada pembangun sistem, pelanggan serta pengguna memahami serta menilai sebarang isu yang mungkin timbul sebelum sistem sebenar dibangunkan.

Model prototaip berfungsi seperti sistem sebenar bagi membenarkan pengguna berinteraksi dan berpuashati dengan prototaip tersebut. Pembangun sistem pula dapat mengenalpasti spesifikasi sistem dan menjamin pelaksanaan produk akhir yang memenuhi keperluan pengguna.



Rajah 2.7 : Model Prototaip

2.5 Analisa Perisian

Bagi memilih perisian untuk digunakan dalam membangunkan sistem ini, beberapa analisa telah dibuat terhadap beberapa perisian bagi menilai perisian yang paling sesuai untuk diaplikasikan sebagai teknologi laman web, bahasa pengaturcaraan, teknologi pangkalan data dan pelayan web ('server').

2.5.1 Teknologi Laman Web

- **Common Gateway Interface (CGI)**

Common Gateway Interface (CGI) merupakan suatu cara piawai untuk pelayan web menghantar pelayar ke program aplikasi, menerima sebarang data daripada program tersebut dan menghantar data itu semula ke pelayar web. Program aplikasi CGI boleh ditulis melalui pelbagai bahasa pengaturcaraan seperti C, C++, PERL dan juga Java. Biasanya bahasa pengaturcaraan yang digunakan bagi CGI ialah PERL yang mempunyai akhiran fail **'.PI'**

Nama aplikasi akan diterima apabila pelayan web menerima permintaan pelayar web untuk aplikasi CGI. Kemudian, pelayan akan menghantar data pengguna ke aplikasi yang diminta. Data akan diproses oleh aplikasi tersebut dan hasil HTML akan dihantar ke pelayar web.

- **Active Server Pages (ASP)**

ASP merupakan satu bentuk laman HTML (Hyper Text Markup Language) yang mengandungi satu atau lebih skrip (aturcara kecil/small embedded program) dimana halaman ini akan diproses di pelayan web (server) terlebih dahulu sebelum dihantar ke pelayar web (browser).

ASP dapat diaplikasikan apabila pelayar web menghantar permintaan bagi ASP kepada Internet Information Services (IIS) dan pelayan web menerima panggilan tersebut dan melakukan pengecaman bagi mengenalpasti bahawa permintaan tersebut adalah dari fail ASP (pengecaman fail mengandungi sambungan **'.asp'**). Kemudian pelayan web akan menerima ingatan fail ASP yang betul dan menghantarnya sebagai fail program **'ASP.dll'**.

Fail tersebut akan diproses dari atas ke bawah dan segala arahan pengaturcaraan yang ada dilaksanakan. Melalui proses tersebut, akan terhasilnya fail HTML biasa. Fail ini akan dihantar kembali ke pelayar web dan diterjemahkan oleh pelayar web di mana laman web akan dipaparkan pada tettingkap pelayar web tersebut.

ASP mempunyai 4 ciri yang membuatnya unik :

- ASP boleh mengandungi skrip-skrip (server-side script) seperti JavaScript dan VBScript. Apabila skrip-skrip ini dimasukkan dalam ASP,

2.3.2 Selain pembangun laman web dapat menghasilkan laman web yang mempunyai kandungan dinamik.

- ASP mempunyai beberapa ciri objek terbina dalam di mana dengan menggunakannya, skrip yang dihasilkan akan menjadi lebih baik dan kukuh. Objek itu juga dapat membenarkan pembangun web untuk menerima dan menghantar maklumat ke pelayar web ('browser').
- ASP boleh memuatkan beberapa komponen tambahan dan didatangkan bersama komponen-komponen piawai Active X .
- ASP juga dapat berinteraksi dengan beberapa pangkalan data seperti MS SQL Server. Dengan menggunakan objek-objek khas seperti Objek Data Active X, pembangun web boleh mengaplikasikan SQL dalam laman web yang dibina.

2.5.2 Teknologi Pangkalan Data

- **Microsoft Access 2000**

MS Access ini merupakan satu sistem untuk menguruskan pangkalan data dengan jumlah yang tidak begitu besar. MS Access adalah terdiri dari beberapa objek seperti jadual, laporan, modul dan pertanyaan (queries).

- **Microsoft SQL Server**

Berbeza dengan MS Access, MS SQL Server dapat menguruskan pangkalan data dalam jumlah yang besar kerana ruangan ingatan yang disediakan adalah besar. SQL mempunyai faktor keselamatan, mempunyai pengembalian bencana, kebolegunaan dalam penyebaran data dan melaksanakan pemprosesan berdasarkan pelayan web di mana ia memberi prestasi yang baik jika digunakan.

Namun begitu, oleh kerana MS SQL ini mengandungi ruang ingatan yang besar, ia akan melambatkan aplikasi lain dalam komputer, oleh itu MS SQL ini sesuai digunakan untuk komputer yang mempunyai RAM yang besar dan pemproses yang tinggi.

2.5.3 Bahasa Pengaturcaraan

- **Hypertext Markup Language (HTML)**

HTML boleh digunakan untuk mencipta laman web yang berprestasi tinggi memandangkan ia adalah bahasa pengaturcaraan web yang ringkas dan mempunyai format teks, warna serta rangkaian dan imej. Bahasa HTML mudah untuk difahami sintaksnya kerana penggunaannya hampir sama dengan penggunaan bahasa harian dan mudah untuk dipelajari.

Namun begitu, banyak pengaturcara memilih untuk menggunakan skrip Java dan Visual Basic yang boleh dilaksanakan di laman HTML kerana HTML tidak menyokong pengaturcaraan yang sebenar.

2.5.4 Penyunting Web

- **Macromedia Dreamweaver MX**

Macromedia Dreamweaver MX boleh memuatkan skrip Java dan Visual Basic, maka ia merupakan perisian yang menyokong teknologi ASP. Ia juga mempunyai ciri-ciri yang mudah untuk difahami dan berkebolehan tinggi. Dreamweaver juga mengandungi peralatan rekabentuk, templet, menyokong multimedia dan mempunyai panduan penggunaan mengikut langkah yang betul serta memaparkan

kod HTML yang berwarna bagi memudahkan pengguna memahaminya. Ia boleh diintegrasikan bersama MS Access.

Selain itu, Macromedia Dreamweaver MX ini juga mempunyai pengurus rangkaian dan pengurus fail bagi memudahkan gambaran projek dilihat secara kasar oleh pembangun.

2.5.5 *Antaramuka Pengguna*

- **Microsoft Visual Basic 6.0**

MS Visual Basic menyokong pelbagai jenis pangkalan data seperti MS Access, Paradox dan DBASE. Ia berasaskan antaramuka pengguna yang bergrafik dimana sesuatu objektif dapat dibina dengan lebih mudah melalui sifat 'even driven' yang ada padanya. Penekanan yang hanya tertumpu kepada fungsi objektif membolehkan pengkodan objektif dilakukan dengan cepat dan menjimatkan masa. Visual Basic juga merupakan suatu bahasa pengaturcaraan yang lengkap dan dapat menyokong kebanyakan struktur pelaksanaan aturcara dalam bahasa pengaturcaraan moden disamping menyediakan peralatan untuk aspek-aspek berlainan dalam pembangunan antaramuka pengguna.

1.6 • Microsoft Visual FoxPro 6.0

Penggunaan Visual FoxPro adalah kurang popular berbanding Visual Basic walaupun sifat kedua-duanya hampir sama. FoxPro mempunyai pangkalan data tersendiri tetapi penggunaannya kurang berkesan secara atas talian kerana FoxPro mudah untuk menggagalkan sistem.

2.6 Ringkasan Bab 2

Bab 2 menerangkan tentang kajian literasi yang telah dijalankan untuk mengkaji sistem-sistem yang telah ada serta menganalisis kegunaan perisian-perisian dalam pembangunan sesuatu sistem. Penakrifan definisi bagi sistem yang ingin dibangunkan membolehkan kajian dijalankan ke atas perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan definisi tersebut dan keperluan sistem. Di dalam bab ini turut mengandungi tentang analisis ke atas metodologi-metodologi yang ada untuk dinilai cara terbaik bagi pemodelan proses kitar hayat sistem. Kajian yang telah dijalankan memainkan peranan penting untuk membolehkan pembangun sistem menilai dan membuat keputusan untuk memilih langkah dan bahan terbaik dalam membangunkan sistem yang dirancang. Kajian ini turut membolehkan pembangun sistem mengkaji segala aspek pelaksanaan sistem agar sesuai dengan kehendak dan keperluan pengguna.

ANALISIS SISTEM
&
METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Metodologi merupakan suatu aspek penting bagi meneliti serta mengkaji objek atau sumber yang boleh menjadi bahan kajian. Perkataan metodologi adalah terdiri dari dua suku kata iaitu 'methodos' dan 'logos' yang berasal dari Yunani. 'Methodos' adalah bermaksud cara atau jalan manakala 'logos' pula bermaksud pengetahuan tentang langkah-langkah menjalankan penelitian. Pemilihan metodologi yang tepat dapat menghasilkan penyelidikan sistam yang jelas.

3.2 Objektif Metodologi

Objektif utama metodologi serta kualiti sistam penyelidikan adalah untuk mengkaji langkah serta cara yang diambil untuk mencari segala bahan kajian bagi mengumpul segala maklumat yang diperlukan untuk menentukan kaedah untuk melaksanakan sistam yang dicadangkan. Metodologi yang dipilih dapat menjamin kualiti bagi membolehkan sistam atau sistem yang mematuhi kehendak pengguna.

ANALISIS SISTEM

&

METODOLOGI

3.3 Metodologi Pembangunan Sistem

Untuk membangunkan Sistem Maklumat Sekolah Pinar Int, saya telah memilih metodologi pembangunan sistem yang sesuai dengan keperluan organisasi. Dengan memilih metodologi yang sesuai dapat menjamin kualiti bagi mematuhi kehendak pengguna serta menghasilkan sistam agar fungsi yang ada dapat berjalan dengan betul.

3.1 Pendahuluan

Metodologi merupakan suatu aspek penting bagi meneliti serta mengkaji objek atau sumber yang boleh menjadi bahan kajian. Perkataan metodologi adalah terdiri dari dua suku kata iaitu 'methodos' dan 'logos' yang berasal dari Yunani. 'Methodos' adalah bermaksud cara atau jalan manakala 'logos' pula bermaksud pengetahuan tentang langkah-langkah menjalankan penelitian. Pemilihan metodologi yang tepat dapat menghasilkan penyelidikan sistem yang jelas.


3.2 Objektif Metodologi

Objektif utama metodologi serta analisis sistem ini dilakukan adalah untuk mengkaji langkah serta cara yang diambil untuk mencari segala bahan kajian bagi mengumpul segala maklumat berkaitan sistem serta menentukan kaedah untuk membangunkan sistem yang dicadangkan. Metodologi yang dipilih dapat dijadikan panduan bagi membina suatu sistem atas talian yang memenuhi kehendak pengguna.

3.3 Metodologi Pembangunan Sistem

Untuk membangunkan Sistem Maklumat Sekolah Pintar ini, saya telah memilih Model Air Terjun dengan Prototaip. Model ini dipilih kerana pemprototaipan dapat dibuat pada sesetengah fasa sebelum sistem sebenar dibangunkan bagi menilai keperluan agar memenuhi kehendak pengguna serta mengesahkan rekabentuk sistem agar fungsi yang ada dapat berjalan dengan betul.

Oleh kerana sistem yang bakal dibina ini adalah berbentuk laman web, maka kemungkinan akan berlaku perubahan ke atas spesifikasi keperluan ketika sistem dibangunkan. Melalui pemprototaipan, sebarang keperluan atau rekabentuk yang perlu diperbaiki dapat dilakukan sehingga pengguna berpuashati.



Rajah 3.1 : Model Air Terjun dengan Prototaip

Berikut adalah penerangan bagi setiap fasa dalam model ini :

- *Fasa 1 : Perancangan Sistem*

Fasa perancangan ini adalah peringkat paling awal dalam proses pembangunan sistem ini. Perancangan adalah amat penting bagi merangka aktiviti-aktiviti serta langkah-langkah yang perlu bagi memastikan pembangunan sistem adalah terancang, teratur dan mengikut jadual, disamping memenuhi kehendak pengguna.

- *Fasa 2 : Analisis Keperluan*

Melalui analisis keperluan, matlamat pembangunan sistem akan lebih mudah dicapai. Ini adalah kerana kajian awal terhadap keperluan sistem dan kajian terhadap masalah-masalah semasa yang timbul dapat dilaksanakan. Antara masalah-masalah yang dapat diperbaiki ialah dari aspek maklumat, prestasi sistem, kawalan sistem serta ekonomi dan masa.

Selain itu, kajian turut dijalankan untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan sistem sedia ada bagi mewujudkan elemen serta ciri baru pada sistem yang ingin dibangunkan.

Diantara kelemahan-kelemahan sistem sedia ada ialah seperti berikut :

▪ **Sistem tidak atas talian**

-kebanyakan sistem maklumat yang digunakan di sekolah-sekolah adalah bersifat berdiri sendiri ('standalone'). Hanya pentadbir dan yang dapat mengguna dan mengemaskini sistem tersebut di sekolah.

▪ **Sistem manual**

-masih banyak sekolah yang mengaplikasikan penggunaan sistem manual untuk menyimpan maklumat guru dan pelajar di mana penyimpanan maklumat secara manual ini tidak bersesuaian dengan konsep sekolah pintar

▪ **Antaramuka tidak menarik**

- terdapat sistem sedia ada yang mempunyai antaramuka yang kurang menarik di mana sesetengah butang dan ikon yang digunakan sukar difahami dan mengelirukan.

Dengan itu, pembangun sistem dapat lebih memahami masalah-masalah semasa yang wujud serta mengenalpasti skop projek. Kelebihan projek juga dapat dikenalpasti dengan menganalisis keperluan yang diperlukan.

- *Fasa 3 : Rekabentuk Sistem*

Rekabentuk sistem dijalankan berpandu kepada skop yang telah dikenalpasti dan ditentukan pada peringkat permulaan dalam fasa analisis keperluan. Rekabentuk sistem biasanya dilaksana berdasarkan kepada kesesuaian dan kehendak pengguna. Fasa ini biasanya melibatkan beberapa rekabentuk utama seperti rekabentuk pangkalan data, rekabentuk program serta rekabentuk antaramuka pengguna.

- *Fasa 4 : Pengkodan*

Pengkodan dilakukan mengikut aturcara program bagi membolehkan fungsian sistem berjalan seperti yang dikehendaki. Fasa ini membolehkan segala fungsian berfungsi dengan memasukkan kod-kod yang diperlukan ke laman perisian yang digunakan.

- *Fasa 5 : Pengujian*

Setelah proses rekabentuk dan pengkodan selesai dilaksanakan, pengujian ke atas unit dan integrasi serta pengujian terhadap sistem akan dilakukan bagi mengesan sebarang ralat atau kesilapan pada program atau sistem. Melalui ujian-ujian yang dijalankan, pengesahan dapat dilakukan terhadap rekabentuk sistem bagi memastikan segala fungsi berjalan dengan betul seperti yang dikehendaki.

Pada peringkat pengujian ini juga penilaian dapat dilakukan semula ke atas keperluan sistem bagi memastikan segala keperluan pengguna telah dipenuhi.

- *Fasa 6 : Operasi dan Penyelenggaraan*

Fasa operasi dan penyelenggaraan merupakan peringkat terakhir dalam model ini. Pada peringkat ini sistem akan di 'upload' ke pelayan web untuk membolehkan sistem dicapai oleh pengguna. Biasanya aktiviti penyelenggaraan dilakukan apabila diperlukan.

3.4 Teknik Pengumpulan Maklumat

Antara kaedah-kaedah utama yang digunakan untuk mencari dan mengumpulkan maklumat adalah seperti berikut :

- *Temubual*

Satu temubual telah diadakan dengan salah seorang guru sekolah pintar yang juga Penyelaras IT Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sri Aman, Petaling Jaya. Puan Marzilah Mohamad telah sudi meluangkan masa untuk ditemuramah berkenaan dengan sistem maklumat yang digunakan di sekolah terbabit serta kelemahan-kelemahan yang ada.

- *Perjumpaan dengan Penyelia*

Perjumpaan diadakan beberapa kali bersama pensyarah untuk memastikan segala gerak kerja berjalan lancar dan mengikut spesifikasi yang diperlukan. Selain itu penyelia dapat memberi pendapat tentang maklumat yang perlu dimuatkan ke dalam sistem yang ingin dibangunkan.

- *Bahan Rujukan*

Beberapa buku ilmiah telah dirujuk untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan sistem yang ingin dibangunkan. Selain itu beberapa bahan rujukan lain yang berkaitan dengan perisian sistem telah dirujuk untuk dijadikan panduan bagi mengaplikasikan penggunaan perisian di dalam sistem. Buku rujukan untuk merekabentuk pangkalan data turut digunakan untuk memudahkan proses membina pangkalan data bagi sistem ini. Buku-buku ini diperolehi dari perpustakaan dan juga melalui rakan-rakan.

- *Bilik Dokumen*

Rujukan terhadap contoh-contoh tesis terdahulu turut dilakukan bagi melihat bagaimana susun atur yang betul dalam menghasilkan dokumentasi sistem. Selain itu, sistem-sistem yang pernah dikaji sebelum ini dapat dijadikan panduan untuk merancang dan membangunkan sistem maklumat ini.

- *Internet dan Kajian*

Melalui penggunaan internet, lebih banyak maklumat tentang sistem-sistem sedia ada dapat dianalisis dan dikaji dengan mengakses ke laman web yang berkaitan dengan sistem yang ingin dibina. Melalui laman-laman web tersebut antaramuka pengguna juga dapat dikaji untuk melihat rekabentuk antaramuka yang memenuhi kehendak pengguna. Penggunaan internet membolehkan pencarian maklumat menjadi lebih cepat, mudah serta tidak terbatas.

- *Perbincangan dengan Rakan-rakan*

Selain mencari maklumat secara individu, rakan-rakan turut menjadi sumber rujukan untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan sistem. Pertukaran pendapat bersama rakan-rakan dapat mengasah minda untuk menjadi lebih kreatif. Selain itu, perbincangan bersama rakan-rakan dapat membantu untuk mencari idea dalam menghasilkan sistem yang benar-benar memenuhi kehendak pengguna.

3.5 Keperluan Sistem

Untuk membangunkan sesuatu sistem, pemilihan perkakasan dan perisian yang sesuai adalah penting untuk membolehkan pelaksanaan sistem berjalan dengan lancar. Selain itu, pembangun sistem perlu memilih perkakasan dan perisian yang bertepatan dengan objektif pembangunan sistem. Penggunaan perkakasan dan perisian yang bersesuaian dapat memudahkan kerja-kerja rekabentuk sistem dan penyelenggaraannya.

3.5.1 Keperluan Perkakasan

Perisian	Kegunaan
• MS Access 2000	Pembangunan perisian
• Macromedia Dreamweaver MX	Penyunting perisian-suaranaka pengguna
• Active Server Pages (ASP)	Pembangunan laman web
• Pemproses mikro (CPU) dengan Intel Pentium II/III/IV 333 MHz	
• RAM 128 MB	Penyunting animasi grafik
• Ruang kosong cakera keras 10 G	
• Modem 56.6 Kbps	Pengubahsuaian imej dan grafik
• Cakera keras 20 GB	Pelayan web ("server")
• Pemacu CD	
• Pemacu cakera liut 3 ½ inci	Pelayan web ("browser")

Jadual 3.2 Senarai Perisian dan Kegunaannya

3.5.2 Keperluan Perisian

Perisian yang dipilih di bawah memerlukan platform MS Windows 98/2000/ME.

Berikut merupakan perisian-perisian yang bakal digunakan untuk membangunkan sistem maklumat ini :

Perisian	Kegunaan
• MS Access 2000	Pembangunan pangkalan data
• Macromedia Dreamweaver MX	Penyunting web dan antaramuka pengguna
• Active Server Pages (ASP)	Bahasa pengaturcara bagi web
• Macromedia Flash 5.0	Penyunting animasi grafik
• Adobe Photoshop 6.0	Pengubahsuaian imej dan grafik
• Internet Information Server (IIS)	Pelayan web ('server')
• MS Internet Explorer 5.0	Pelayar web ('browser')

Jadual 3.2 Senarai Perisian dan Kegunaannya

3.6 Analisis Keperluan

3.6.1 Keperluan Fungsian

Keperluan fungsian menerangkan berkenaan interaksi di antara sistem dengan persekitarannya. Keperluan fungsian juga dapat menggambarkan bagaimana sesuatu sistem akan bertindakbalas dengan sesuatu keadaan yang dinyatakan.

Keperluan fungsian untuk sistem maklumat ini adalah seperti berikut :

- **Modul Pentadbir**

- **Modul Login**

Modul Login membenarkan pentadbir untuk mengakses ke pangkalan data utama bagi mengemaskini atau menyemak maklumat.

- **Modul Kemaskini**

Modul Kemaskini membolehkan pentadbir melakukan sebarang kerja mengedit, menambah atau memadam maklumat.

- **Modul Pengurusan Maklumat Guru**

Modul ini mengandungi segala maklumat peribadi guru.

➤ **Modul Pengurusan Maklumat Pelajar**

- Modul ini mengandungi segala maklumat peribadi pelajar.

➤ **Modul Pengurusan Maklumat Pentadbir**

- Modul ini mengandungi segala maklumat peribadi pentadbir.

➤ **Modul Keputusan Peperiksaan**

Modul ini digunakan untuk menganalisis dan menyimpan keputusan peperiksaan pelajar.

➤ **Modul Pengurusan Maklumat Sekolah**

- Modul ini mengandungi segala maklumat tentang sekolah seperti aktiviti, latarbelakang dan sebagainya.

• **Modul Guru**

➤ **Modul Login**

Modul login membenarkan guru-guru mendaftar masuk ke pangkalan data pelajar dan rekod peperiksaan.

➤ **Modul Kemaskini**

Modul kemaskini membenarkan guru-guru melakukan kerja-kerja penambahan maklumat, penyuntingan dan penyemakan.

➤ **Modul Pengurusan Maklumat Pelajar**

Modul yang menyimpan segala butir-butir peribadi pelajar

➤ **Modul Keputusan Peperiksaan**

➤ Modul ini mengandungi butiran dan rekod tentang keputusan peperiksaan pelajar.

3.6.2 Keperluan Bukan Fungsian

Keperluan bukan fungsian ialah merupakan kekanga-kekangan yang wujud ke atas sistem. Antaranya ialah :

➤ **Kebolehselenggaraan**

- Sistem yang dibangunkan akan dipecahkan kepada beberapa modul yang lebih kecil untuk memudahkan aktiviti penyelenggaraan.

➤ **Kebolehpercayaan**

- Sistem dapat memaparkan 'output' yang betul seperti yang

dikehendaki oleh pengguna pada keadaan yang normal. Dalam keadaan tertentu, pengujian dapat dilakukan untuk mengesan ralat dan jika terdapat sebarang ralat yang dikesan, sistem akan menghantar mesej ralat kepada pengguna.

➤ **Rekabentuk dan Kestabilan Paparan**

- Antaramuka yang direkabentuk untuk membangunkan sistem ini adalah mesra pengguna di mana pengguna dan penyelenggara dapat memahami fungsian-fungsian yang ada pada sistem. Terdapat juga menu utama di mana pengguna dapat membuat pilihan untuk mengakses.

➤ **Kecekapan dan Ketepatan**

- Sistem yang dibangunkan dapat memenuhi kehendak pengguna dan boleh diguna berulang-ulang bagi sesuatu proses yang sama.

3.7 Ringkasan Bab 3

Bab 3 adalah merangkumi analisis sistem dan metodologi di mana kaedah-kaedah yang digunakan untuk membangunkan sistem diterangkan berdasarkan kajian yang telah dijalankan sebelumnya. Pemodelan proses yang dipilih ditentukan dan segala keperluan perisian dan perkakasan dinyatakan. Selain itu keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian bagi sistem ini turut dikenalpasti bagi memberi gambaran bagaimana sistem ini akan direkabentuk dan dibangunkan kelak. Secara keseluruhan, bab ini dapat menerangkan langkah-langkah dan cara-cara yang telah dipilih untuk dipraktikkan dalam membangunkan sistem yang diinginkan.

BAB 4
REKABENTUK
SISTEM

Fase rekabentuk sistem merupakan fase di mana seseorang pembahagian-bahagian diperlukan sistem akan diperibadikan sebagai sebuah sistem yang mempunyai semua fungsi-fungsi yang diperlukan. Proses rekabentuk sistem memerlukan kreativiti dan pemahaman yang tinggi untuk membolehkan perancang sistem mendefinisikan segala permasalahan kepada suatu bentuk penyelesaian.

Antara aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam fase rekabentuk sistem adalah:

1. Rekabentuk Pengaliran Data

BAB 4

2. Rekabentuk Program

3. Rekabentuk Antaramuka

REKABENTUK SISTEM

Dalam rekabentuk sistem, perancang sistem akan mendefinisikan rekabentuk yang akan dihasilkan oleh sistem. Dengan ini, adalah penting untuk memastikan segala keperluan kegunaan sistem yang ingin dilaksanakan. Ini berlaku pada setiap komponen seperti an dalah rekabentuk program sistem.

4.1 Pendahuluan

Fasa rekabentuk sistem merupakan fasa di mana kesemua bahagian-bahagian keperluan sistem akan digabungkan sebagai sebuah sistem yang mempunyai semua fungsi-fungsi yang dimodulkan. Proses merekabentuk sistem memerlukan kreativiti dan pemahaman yang tinggi untuk membolehkan perekabentuk sistem menukarkan segala permasalahan kepada suatu bentuk penyelesaian.

Antara aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam fasa rekabentuk ini ialah :

1. Rekabentuk Pangkalan Data

2. Rekabentuk Program

3. Rekabentuk Antaramuka Pengguna


Untuk membangunkan sistem maklumat yang efisien, rekabentuk yang dibina haruslah boleh dipercayai dan mudah untuk diselenggarakan. Dengan itu, adalah penting untuk menakrifkan segala keperluan ke dalam sistem yang ingin dibangunkan. Ini sekaligus dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna sistem.

4.2 Rekabentuk Pangkalan Data

Tujuan utama fasa rekabentuk pangkalan data ini ialah :

- Bagi mewakili sebarang perhubungan antara data dan mewakili data itu sendiri
- Untuk menentukan bahawa pembangunan reka bentuk sistem adalah memenuhi keperluan pengguna dan kehendak sistem

Berikut merupakan langkah-langkah rekabentuk pangkalan data :



Rajah 4.1.1 Langkah-langkah Rekabentuk Pangkalan Data

4.2.1 Kamus Data

Kamus data atau panduan data merupakan suatu komponen yang penting dalam sistem pengurusan pangkalan data di mana ia menyediakan suatu katalog yang boleh dicapai oleh pengguna sebagai bahan rujukan.

Kamus data menyimpan segala perihal tentang data yang terdapat dalam pangkalan data dan dapat menunjukkan medan-medan yang ada bagi setiap entiti yang terlibat dengan sistem.

Kamus data perlu dirujuk sebelum capaian ke atas sesuatu data dilakukan oleh pengguna bagi membolehkan semakan dijalankan untuk mengenal pasti pengguna sama ada mempunyai kebenaran untuk melakukan sebarang perubahan ke atas data bagi tujuan keselamatan.

Kelebihan kamus data :

- Pengumpulan maklumat dilakukan secara berpusat, dengan itu kawalan terhadap maklumat adalah mudah untuk dilakukan.
- Pengguna dapat memahami kegunaan data melalui penakrifan data yang jelas
- Sebarang perubahan pada struktur pangkalan data dapat dikesan dan direkodkan dengan segera
- Keselamatan data dapat dikuatkuasakan dan sebarang lewahan pada data dapat dikesan dan dielakkan

4.2.1.1 Login Pentadbir

(Kunci : Kata_Laluan)

